



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 Jld.2 (11)
Tarikh : 14 April 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y. Bhg. Dato' / Datuk / Tuan / Puan

**SURAT EDARAN JANM KEDAH BIL.4 TAHUN 2022
PEMURNIAN DATA PENJAWAT AWAM DALAM PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (SECOND
VALIDATION) – CIMB BANK**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam usaha mengukuhkan integriti proses pembayaran Kerajaan melalui Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*). Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022 telah dikeluarkan bagi memberi penjelasan kepada Kementerian/Jabatan, Pusat Tanggungjawab (PTJ), Pejabat Perakaunan (AO), Bank, Penerima Bayaran, dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Semakan Tambahan bagi pembayaran Kerajaan.

3. Fasa pertama Pelaksanaan Semakan Tambahan melibatkan pemurnian data yang telah bermula dengan data penjawat awam yang menggunakan akaun CIMB Bank Berhad (perubahan 14 digit kepada 10 digit). Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan proses pemurnian data ini, semua PTJ adalah diminta untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- a. Mengemaskini maklumat data induk pegawai didalam sistem gaji berkomputer (rujuk arahan yang dikeluarkan oleh Unit Gaji JANM Kedah melalui surat ANM/KD/OPS/G001/Jld.6(47) bertarikh 23 Mac 2022)
- b. Mengemaskini maklumat pembekal di data induk iGFMS **selewat-lewatnya pada 21 April 2022 (Khamis)**. Sila rujuk Borang eVendor yang dilampirkan.
- c. **Memastikan maklumat pembekal yang dikemaskini telah disahkan** oleh JANM Kedah didalam sistem iGFMS **SEBELUM** membuat Arahan Pembayaran kepada pegawai.

4. Kegagalan pihak PTJ untuk mematuhi perkara di para 3 akan menyebabkan **Arahan Pembayaran dikuiiri atau pembayaran ditolak**. PTJ hendaklah menyemak Laporan Terperinci EFT dibatalkan pada setiap hari dan membuat penggantian segera sepertimana SPANM Bil.7 Tahun 2018.

5. Kerjasama dan komitmen semua Jabatan dan PTJ berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul ”

Saya yang menjalankan amanah,



ARSHAD BIN ABDUL RAHMAN c.A.(M)

Ketua Seksyen Operasi

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Kedah Darul Aman